

29 JUN 1996

Anwar-Dewan

DEWAN PERNIAGAAN MELAYU AKAN AWASI DASAR KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mencadangkan supaya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menubuhkan sebuah sekretariat untuk menilai segala dasar kerajaan bagi memastikan ia konsisten dengan matlamat negara mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing, dinamik dan agresif.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum mendapatkan kelulusan Kabinet.

Ketika bercakap pada mesyuarat agung tahunan DPMM ke-31 di sini, Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan akan diminta mengadakan rundingan dengan DPMM mengenai masalah yang dihadapi usahawan Bumiputera.

"Pendekatan baru ini akan memastikan maklumat balas daripada DPMM dalam membantu kerajaan membina suatu masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang cekap dan dinamik," kata beliau.

Yang hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan Presiden DPMM Tan Sri Yahya Ahmad.

Sebelum itu, Yahya, dalam ucapannya juga mencadangkan penubuhan sebuah badan yang seumpama itu sebagai mekanisme yang pengawasi pelaksanaan bagi segala dasar dan tindakan kerajaan dalam bidang berkenaan.

Beliau berkata DPMM bersedia menawarkan diri sebagai sekretariat mekanisme berkenaan yang akan berfungsi melaporkan kepada Umno dan kerajaan akan sebarang kepincangan daripada objektif agenda menyemarakkan nasionalisme ekonomi Melayu.

Anwar berkata sekretariat itu juga harus menilai sama ada syarikat-syarikat gergasi milik Bumiputera melaksanakan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat dan dalam membantu mewujudkan peluang ekonomi kepada masyarakat Bumiputera.

Beliau sekali lagi membidas beberapa syarikat gergasi yang cenderung mewujudkan "ratusan syarikat-syarikat kecil atas nama syarikat korporat" yang sepatutnya diberikan kepada usahawan Bumiputera lain.

"Pendekatan kita (kerajaan) ialah bersikap positif kepada kejayaan syarikat-syarikat besar...Oleh kerana sikap positif ini, kita juga mahu supaya syarikat-syarikat ini mengubah pendekatan mereka itu.

"Sudah sampai masanya apabila nilai sesebuah syarikat tidak lagi terikat dengan dana syarikat. Nilai itu harus bergantung kepada keseluruhan tindakan syarikat," kata beliau.

Anwar berkata negara-negara lain mempunyai undang-undang untuk memastikan syarikat-syarikat gergasi membantu usahawan lain dengan memberikan mereka kepercayaan bagi menubuhkan syarikat kecil.

"Walaupun kita tidak mempunyai undang-undang itu, kita perlu pastikan syarikat-syarikat gergasi ada agenda yang luas," kata beliau.

Beliau berkata usahawan Bumiputera yang telah berjaya harus mengambil alih tanggungjawab kerajaan dalam menerajui usaha meningkatkan keupayaan rakan mereka yang lain.

"Ia adalah sebahagian dari tanggungjawab sosial untuk membantu kerajaan membina suatu masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya saing, dinamik dan agresif," kata beliau.

Anwar memberi jaminan kerajaan akan meneruskan usaha untuk membantu usahawan Bumiputera memandangkan "kita masih jauh dari mencapai apa yang dikehendaki".

"Agenda pembangunan usahawan Bumiputera masih perlu dipertingkatkan. Angka menunjukkan sementara kita boleh berpuas hati dengan perkembangan mereka, kita masih ketinggalan," kata beliau.

Pada masa yang sama, Anwar juga membidas tindakan beberapa agensi kerajaan yang kononnya bertindak atas nama Bumiputera tetapi sebenarnya tidak membantu Bumiputera.

"Saya agak sinis dengan perkara itu...agensi yang membelanjakan wang tidak untuk tujuan itu (membantu masyarakat Bumiputera)," kata beliau.

Sebagai contoh, beliau berkata sebuah agensi yang diperuntukkan sebanyak RM60 juta telah membelanjakan RM40 juta untuk pengurusan, membeli peralatan dan sebagainya.

"Hanya RM20 juta dibelanjakan untuk tujuan sebenar agensi itu ditubuhkan," kata beliau tanpa menyebut nama agensi itu, sekadar menamakannya "Agensi X".

Anwar bagaimanapun menafikan bahawa kerajaan bercadang untuk menutup agensi-agensi berkenaan.

Beliau juga menafikan cakap-cakap bahawa beliau dan Dr Mahathir mahu memindahkan peruntukan kewangan daripada agensi-agensi berkenaan kepada projek-projek besar seperti Bakun dan Kuala Lumpur City Centre memandangkan bahawa agensi-agensi itu tidak menepati objektif mereka.

Anwar kemudian menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman antara DPMM dan Universiti Malaya (UM) bertujuan meningkatkan dan memantapkan lagi sumber manusia anggota-anggota DPMM.

DPMM diwakili oleh Yahya manakala UM oleh Naib Canselor Datuk Dr Abdullah Sanusi Ahmad. -- BERNAMA

ES NMO